

## Dataran Banting masih dalam proses naik taraf

BANTING - Kemudahan di Dataran Banting masih dalam proses naik taraf dari segi penambahbaikan trak jalan kaki.

Yang Dipertua MDKL, Mohamad Zain A Hamid berkata, beliau mengakui memang terdapat aduan daripada pengunjung berkaitan masalah kualiti dan sebagainya sekali gus pihaknya mengambil tindakan menyegerakan proses pembaikan.

Menurutnya, pertengahan bulan April, perkara ini telah diiklankan dan mengambil masa tiga bulan untuk projek naik taraf.

"Naik taraf ini melibatkan keseluruhan trak jalan kaki yang akan dilakukan secara berperingkat.

"Kita harap selepas ini tiada masalah penggunaan trak berkenaan sekaligus pengunjung terutama orang awam yang sering menggunakan trak berkenaan berpuas hati," katanya ketika mengulas mengenai trak di Dataran Banting.

Sementara itu, MDKL turut menyediakan kemudahan percuma untuk sukan lasak iaitu "wall climbing" yang dibina di Dataran Banting untuk mengisi aktiviti riadah di kawasan itu.

Melalui hebahatan Laman sosial Facebook Jabatan Pembangunan Masyarakat MDKL turut memaklumkan kemudahan itu boleh digunakan oleh orang awam pada setiap hari.

Bagaimanapun pengunjung dilarang menjalankan aktiviti itu tanpa pengawasan jurulatih bertauliah tetapi bolehlah menghubungi Jabatan Pembangunan Masyarakat MDKL di talian 03-31803140 untuk keterangan Lanjut.



Pembinaan "wall climbing" antara tarikan di Dayaran Banting. Gambar kecil: Mohamad Zain

## Cari keluarga kandung anak angkat

BANTING -Seorang kakitangan kerajaan meminta orang ramai membantu menyalurkan maklumat bagi mencari ibu kandung kepada anak angkatnya bagi memudahkan urusan proses mengambil anak angkat.

Norzuriah Mad Zolkhan, 30, berkata, Nur Aifa Azzahra ,7, diambil sebagai anak angkat ketika kanak-kanak itu masih berusia tujuh bulan yang diserahkan ibunya sendiri.

Katanya, ibunya hanya dikenali sebagai Andi dalam lingkungan 30 an menyerahkan anaknya itu kerana mengalami masalah kewangan.

"Bersimpati dengan nasib menyimpannya, saya dan keluarga bersetuju untuk menjadikan Aifa sebagai anak angkat.

"Saya menjaga Aifa bagaikan anak kandung sehingga saya bertugas ke Segamat, Johor pun saya masih membawanya bersama," katanya.

Norzuriah berkata, apa yang menjadi masalah anak angkatnya itu tidak dapat bersekolah disebabkan beberapa masalah do-

kumen yang perlu diselesaikan.

Katanya, kali terakhir ibu kanak-kanak berkenaan memaklumkan akan pulang ke Medan, Indonesia tujuh tahun lalu dan meneruskan kehidupannya di sana.

"Saya mahukan anak saya ini seperti anak-anak lain berpeluang untuk bersekolah.

"Saya meminta orang ramai untuk membantu mencari ibu kandung bagi menguruskan proses pengambilan anak angkat dan maklumkan ke Jabatan Kebajikan Masyarakat berhampiran," katanya.



Zuriah menunjukkan salinan dokumen pengenalalan yang berada bersamanya.

# Ahli Umno perlu semangat tinggi

Semua pemimpin, ahli akar umbi mesti teguh pendirian terus sokong kesinambungan parti

BANTING - Umno Bahagian Kuala Langat dan Bahagian Sepang tetap teguh menyatakan pendirian sokongan mereka kepada parti itu dalam apa juga aktiviti mereka.

Pendirian itu dizahirkan melalui kibaran bendera Sang Saka Bangsa pada Larian Bendera Umno sempena Ulang tahun Umno ke-71 yang diarak dari Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang ke Sungai Manggis, Kuala Langat.

Ketua Umno Bahagian Sepang, Datuk Marsom Paing berkata, beliau bangga apabila sudah 71 tahun merayakan Hari Umno, bermaksud ia telah berjaya dipimpin oleh pemimpin lama yang hebat.

Menurutnya, Umno masih lagi utuh sekaligus pada hari ini merupakan tugas kepimpinan Umno setiap bahagian meneruskan kesinambungan yang ada.

"Bagi saya kepimpinan yang terdahulu memang hebat di mana dapat memper-



Sulaiman, Marsom bersama sebahagian peserta dari Kontinjen Umno Bahagian Kuala Langat dan Umno Bahagian Sepang dalam Larian Bendera Umno di Sungai Manggis, Kuala Langat semalam.

tahankan usia sehingga ke 71 tahun.

"Bagaimanapun kepimpinan hari ini perlulah meneruskan semangat dan memperjuangkan Umno terutama dalam menghadapi pilihan raya nanti," katanya yang ditemui di Dewan Sungai Manggis, Kuala Langat

mengetuai kontinjen larian Umno Bahagian Sepang selepas menyerahkan bendera tersebut kepada Ketua Umno Bahagian Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli.

Sulaiman pula berkata, beliau menyambut baik kontinjen Umno dari Sepang sekaligus pasukannya me-

neruskan Larian Bendera berkenaan ke Klang sejurus menerima bendera berkenaan.

Katanya, beliau bersetuju kepimpinan terdahulu telah memainkan peranan dalam mengekalkan semangat Umno sehingga kini.

"Saya nampak ahli-ahli

kita mampu meneruskan kepimpinan terdahulu dengan syarat melihat kembali semangat wira-wira Umno terdahulu yang telah ditunjukkan oleh mereka.

"Bagi saya dalam setiap aspek parti ahli-ahli Umno perlu menyatakan pendirian cintakan parti walaupun

memerlukan pelbagai tohmahan atau cacian," katanya yang mengharapkan ahli-ahli Umno membudayakan semangat perjuangan Umno dalam pelbagai cara.

Ujarnya lagi, beliau bimbang jika tiada semangat yang tinggi, mereka tidak mampu berdepan dengan pelbagai cabaran namun sikap yang ditunjukkan oleh anak buahnya, beliau yakin mereka terus berjuang dengan Umno.

Larian kibaran bendera Umno itu diteruskan oleh kontinjen Umno Bahagian Kuala Langat selepas kira-kira 100 peserta dari kontinjen Umno Bahagian Sepang tiba dari Bandar Baru Salak Tinggi ke Sungai Manggis semalam.

Dalam pada itu, kontinjen dari Umno Bahagian Kuala Langat pula menyaksikan seramai 150 peserta berlari secara bergilir-gilir sejauh 24 kilometer dari Sungai Manggis ke Klang melalui empat perhentian.